

BN mampu kekal kerusi Kubang Pasu

JM 10 JAN 2004

JITRA 9 Jan. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) mampu mengekalkan kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang walaupun beliau tidak bertanding lagi di kawasan itu.

Beliau yang juga ahli Parlimen Kubang Pasu berkata, keyakinan tersebut adalah berdasarkan kepada suasana baik yang berlaku dalam kawasan Parlimen tersebut yang turut meliputi kerusi Dewan Undangan Negeri Jitra dan Bukit Kayu Hitam.

“Saya fikir keadaan sihat (di Kubang Pasu) dan saya fikir kita akan menang di sini,” katanya kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa BN Parlimen Kubang Pasu di sini, hari ini.

Mengiringi Dr. Mahathir ialah isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang mengadakan mesyuarat dengan Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu.

Menurut Dr. Mahathir, perjumpaan dengan jawatankuasa berkenaan hari ini membolehkan beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan kepadanya selama 29 tahun beliau menjadi ahli Parlimen kawasan tersebut.

Katanya, beliau juga menyampaikan salam kepada semua cawangan dan para pengundi yang telah menyokong beliau selama ini.

Mengenai calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata, terpulang kepada Presiden UMNO untuk memutuskan siapa yang akan menjadi calon di kawasan Parlimen itu.

“Saya tidak akan campur tangan tetapi saya memberi jaminan akan beri sokongan kepada sesiapa saja yang dipilih menjadi calon,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah telah me-

nyatakan persetujuan secara lisan untuk menerima anugerah ijazah kehormat doktor falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM).

Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri berkata, pada mulanya pejabat Dr. Mahathir telah menghantar surat yang menyatakan mereka tidak dapat menerima anugerah berkenaan disebabkan kesibukan jadual harian selepas persaraan beliau pada Oktober lalu.

“Tetapi hari ini saya telah dapat memujuk mereka untuk menerima anugerah tersebut dan Dr. Mahathir telah menyatakan persetujuan secara lisan,” katanya yang juga Pengerusi Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu.

Beliau berkata, Dr. Mahathir menerima anugerah dalam bidang Pengurusan Pembangunan manakala Dr. Siti Hasmah akan menerima anugerah dalam bidang Pengurusan Kerja Sosial.